

# Korek pasir berterusan jejas pendaratan penyu

BH 5/9/2022 Ms.: 18

**Manjung:** Pengambilan pasir di Pantai Pasir Panjang, Segari dekat sini masih berlaku sekali gus menjelaskan pendaratan penyu, walaupun pelbagai memorandum bantahan dikemuka kepada pihak berwajib.

Penyelidik Lapangan Sahabat Alam Malaysia (SAM), Meor Razak Meor Abdul Rahman, berkata pemerhatian pihaknya mendapati aktiviti itu membimbangkan kerana membabitkan Kawasan Sensitif Alam Sekitar Tahap 1 (KSAS Tahap 1) dan boleh menjelaskan ekosistem pendaratan penyu utama di Perak.

Beliau berkata, pemerhatian bersama Persatuan Aktivis Sahabat Alam Malaysia (KUASA) dan Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera Malaysia (GRASS) mendapati, pengambilan pasir masih berterusan, malah difahamkan sebuah kawasan baharu sudah diteroka bagi membawa keluar pasir melalui jalan laut, walaupun dihentikan Januari lalu.

“Warta Kerajaan Negeri menyatakan Lot 18435 sebahagian daripada Hutan Simpan Tanjung Hantu yang diklasifikasikan sebagai Hutan Simpanan Dara. Perkara ini mendapat liputan meluas dalam media, malah Majlis Perbandaran Manjung mengerahkan kerja mengorek dihentikan serta-merta tetapi mengapa masih berlaku malah tiada papan tanda kelulusan di tapak?” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Taman Eko Rimba, dekat sini semalam yang turut dihadiri Setiausaha KUASA Ismady Radzuan dan Presiden GRASS Mohd Yusaimi Md Yusof.

## Kawasan patut dilindungi

Sementara itu, Ismady berkata, selain pengambilan pasir, turut dibimbangi cadangan membina Kompleks Baitul Hilal (Balai Ce-

rap) yang baharu termasuk dan kawasan tetap latihan tentera di sebahagian Hutan Lipur Pasir Panjang, Taman Eko Rimba.

“Kompleks Baitul Hilal dicadangkan itu meliputi kawasan seluas 3.78 hektar, yang bermakna kawasan hutan pantai dan kawasan pendaratan penyu akan dimusnahkan. Lebih menyedihkan apabila cadangan tempat latihan tentera bakal membabitkan penebangan 80 pokok jenis Nyatuh, Ara dan Balau Laut yang amat bernilai dan sebahagian kawasan hutan lipur.

“Ketiga-tiga kawasan itu terletak dalam KSAS Tahap 1, yang sepatutnya dilindungi dan pihak berkuasa negeri seharusnya tidak membenarkan lagi sebarang kegiatan serta pertukaran guna tanah di kawasan itu,” katanya.

Ismady turut berharap kerajaan negeri dan pihak berkuasa berkaitan mematuhi serta menggunakan pakai Rancangan Fizikal Negara yang menekankan ke-

pada perlindungan kawasan KSAS.

“Kawasan pantai dari Hutan Lipur Pasir Panjang hingga Pantai Pasir Pandak, Tanjung Hantu menjadi kawasan yang kerap direkodkan sebagai tempat pendaratan penyu berdasarkan pemerluan sarang dan kutipan telur oleh pengutip telur penyu yang dilantik oleh Jabatan Perikanan Negeri Perak.

“Sebagai KSAS Tahap 1 kita sedia maklum ia tidak boleh dibangunkan untuk sebarang kegiatan dan penukaran guna tanah, kecuali pelancongan eko yang berimpak rendah, pendidikan dan penyelidikan,” tambahnya.

Media pada Januari lalu melaporkan, Pejabat Tanah dan Galian Perak mengesahkan tiada lesen atau permit dikeluarkan bagi pengambilan pasir di kawasan berkenaan dan sudah mengarahkan pihak terbabit menghentikan kerja.

BERNAMA

Warta Kerajaan Negeri menyatakan Lot 18435 sebahagian daripada Hutan Simpan Tanjung Hantu yang diklasifikasikan sebagai Hutan Simpanan Dara

**Meor Razak Meor Abdul Rahman,**  
Penyelidik Lapangan  
Sahabat Alam Malaysia (SAM)

